

Amanah mengurus

BR - 7 FEB 1984

wang penting — PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegaskan pentingnya pihak pengurusan dan kakitangan syarikat, yang mengendalikan wang awam mempunyai sifat amanah.

Perdana Menteri berkata, syarikat di bidang insuran, kewangan, bank dan rumah diskaun, juga perlu mempunyai pengurusan yang cckap bagi menjamin kemajuan dan keuntungan.

Ecrucap di mnglis jamuan malam ulangtahun ke-10 Syarikat Talasco Insurans Sdn. Bhd. di sini, beliau berkata, tanpa sifat amanah adalah mustahil untuk menguruskan wang orang ramai yang mempunyai kepercayaan terhadapnya.

"Sifat amanah ini perlu ada pada semua peringkat pengurusan, lembaga pengarah dan kakitangan, kalau tidak, syarikat akan mengalami kerugian dan kepercayaan orang ramai akan hilang," ujarinya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mengendalikan sebuah syarikat seperti insuran adalah sukar kerana ia bukan saja menguruskan modal pemegang-pemegang saham seperti syarikat biasa, tetapi wang yang diamanahkan oleh pembeli-pembeli insuran.

Menurutnya, beliau menerima banyak surat dari orang-orang tertentu meminta 'campurtangan' mendapatkan lesen menjalankan syarikat insuran dari Kementerian Kewangan.

Kemahiran

Beliau menjelaskan, syarikat insuran boleh maju dan berkembang jika ia mempunyai banyak pelanggan tetapi jika terdapat terlalu banyak syarikat menjalankan perniagaan yang sama, bilangan pelanggan akan bertambah kecil dan syarikat tidak boleh membesar."

"Oleh itu, kerajaan tidak mahu mengeluarkan lesen terlalu banyak kerana ia mahu melihat syarikat-syarikat yang sudah ada berkembang dengan pesat dan menapai kejayaan," katanya.

Mengenai pengurusan yang cekap, Perdana Menteri berkata, kemahiran itu bukan wujud semula jadi pada setiap orang tetapi perlu dipelajari dengan cara-cara pengurusan yang moden.

"Kalau tidak cekap, lesen dan peluang yang ada tidak akan menjamin kejayaan sesebuah syarikat itu," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir bangga dengan kejayaan yang diperolehi oleh Syarikat Talasco Insurans dan yakin ia akan terus berkembang dan maju dengan tenaga pengurusan dan kakitangan yang beramanah dan cekap.

Syarikat Bumiputera itu yang ditubuhkan atas daya usaha Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dalam tahun 1973 kini mempunyai modal berjumlah \$17.4 juta. 40 peratus sahamnya dimiliki oleh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia, syarikat perniagaan Umno.

Turut hadir di majlis itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Datin Maria dan Menteri-Menteri Kabinet, Menteri Besar serta Ketua Menteri yang kebetulan ada di Kuala Lumpur untuk menghadiri sidang Majlis Raja-Raja.